

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Pendahuluan**

Soal selidik penyelidikan ini telah dijalankan di antara Julai 1996 dan September 1996 untuk mendapatkan respons pelajar dari ketiga-tiga buah sekolah menengah persendirian Cina di Selangor tentang kesesuaian bahan pengajaran untuk tingkatan menengah rendah. Sasaran kajian tersebut terdiri daripada sejumlah 438 orang pelajar cemerlang, sederhana, dan lemah. Umumnya, data yang diperoleh itu dapatlah dianggap representatif dan objektif. Borang soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama terdiri daripada 36 soalan objektif yang berkenaan dengan keadaan praktikal pembelajaran bahasa Cina serta pandangan dan harapan pelajar terhadap bahan pengajaran yang sedang digunakan. Oleh sebab 8 daripada jumlah 36 soalan itu hanya dijadikan panduan pengesahan dan penganalisisan sahaja, maka perbincangan hanya tertumpu kepada 28 soalan objektif yang lain. Bahagian kedua pula merupakan soalan subjektif yang meminta pelajar menjawab sama ada mereka suka atau tidak suka membaca bahan pengajaran yang sedang digunakan, sama ada bahan pengajaran itu senang atau sukar untuk dibaca serta memberikan sebab-sebabnya. Selanjutnya dikemukakan dapatan kajian, manakala penganalisisan akan dibincangkan selanjutnya dalam Bab 4.

## 4.2 Data-data Soal Selidik

### A. Bahagian Pertama: Soalan Objektif

#### 1. Perasaan Terhadap Pembelajaran Bahasa Cina

Soalan 1	Tentang pembelajaran bahasa Cina, saya			
Pilihan	A. sungguh berminat	B. agak berminat	C. kurang berminat	D. langsung tidak berminat
Peratusan	18.5%	60.3%	18.7%	2.5%

Minat merupakan daya yang mendorong pembelajaran. Cara pembelajaran yang betul akan meningkatkan keberkesanan pembelajaran. Soalan 1 menunjukkan peratusan minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa Cina. Daripada respons pelajar, didapati bahawa 78.8% pelajar menunjukkan minat mempelajari bahasa Cina, 18.7% pelajar kurang berminat dan segelintir pelajar, iaitu 2.5% yang langsung tidak berminat untuk mempelajari bahasa Cina. Secara keseluruhannya, kebanyakan pelajar tidak bersikap negatif terhadap pembelajaran bahasa Cina.

Soalan 2	Sebelum pelajaran baru diajarkan, saya			
Pilihan	A. membuat persediaan awal	B. membuat persediaan awal sesekali	C. hanya membuat persediaan awal jika diminta oleh cikgu	D. tidak pernah membuat persediaan awal
Peratusan	5.7%	45.7%	21.7%	26.9%

Pembelajaran bahasa Cina mencakupi usaha membuat persediaan awal, mengenali dan mengulangkaji pelajaran. Persediaan awal bermaksud: pelajar cuba membaca sesuatu pelajaran yang bakal diajar terlebih dahulu untuk mengenali soalan atau masalah yang timbul lalu cuba mengatasi masalah tersebut. Dengan ini, apabila pelajaran itu disampaikan oleh cikgu, pelajar dapat memahaminya secara lebih mendalam dan menyeluruh. Tujuan utama persediaan awal adalah untuk memupuk daya dan tabiat pelajar untuk membaca sendiri. Jadi, persediaan awal merupakan perkara penting dalam pembelajaran bahasa Cina. Akan tetapi, melalui soalan 2, kelihatan bahawa hanya 5.7% pelajar yang membuat persediaan awal, 26.9% pelajar tidak membuat persediaan awal, yang lain pula hanya membuat persediaan awal apabila disuruh oleh cikgu atau tidak mempunyai tabiat yang tetap untuk membuat persediaan awal. Pelajar membuat persediaan awal mungkin kerana: (a) mereka amat berminat untuk mempelajari bahasa Cina, dan (b) mereka mengetahui kepentingan persediaan awal atau dapat menikmati faedah daripada persediaan awal. Manakala pelajar tidak membuat persediaan awal mungkin disebabkan: (a) Mereka beranggapan bahawa bahasa Cina merupakan bahasa ibunda, jadi persediaan awal tidak diperlukan, dan (b) Terdapat terlalu banyak mata pelajaran di sekolah menengah yang perlu diberikan perhatian. Jadi,

mereka tidak mempunyai masa untuk membuat persediaan awal untuk bahasa Cina

Soalan 3	Tentang pelajaran yang telah dipelajari, saya			
Pilihan	A. mengulangkaji sendiri	B. mengulangkaji pelajaran-pelajaran tertentu	C. hanya mengulangkaji sebelum peperiksaan	D. tidak pernah mengulangkaji
Peratusan	3.4%	26.7%	67.8%	2.1%

Aktiviti mengulangkaji pelajaran membolehkan pelajar mengenali kosa kata, menghayati frasa atau ayat, dan juga memahami maksud pelajaran sepenuhnya. Ini seterusnya membolehkan topik yang dipelajari itu meresap ke dalam minda pelajar secara beransur-ansur sehingga mereka dapat menguasai dan menggunakan pengetahuan tersebut. Pelajar mungkin mempunyai penilaian atau penghayatan yang berlainan apabila mengulangkaji sesuatu pelajaran. Akan tetapi, daripada respons pelajar seperti yang dipaparkan menerusi soalan 3, hanya 3.4% pelajar yang mengulangkaji pelajaran mereka secara sukarela. Kajian mendapati kebanyakan pelajar tidak membuat ulangkaji atau hanya membuat ulangkaji menjelang peperiksaan. Nampaknya, keadaan ini berlaku kerana sistem peperiksaan yang kurang sesuai. Soalan peperiksaan di sekolah dalam negara ini kebanyakannya melibatkan penghafalan fakta, pelajar hanya perlu menghafal perkataan-perkataan tertentu, perenggan yang bakal diuji serta mengetahui cara untuk membuat penerangan atau penjelasan, bagi memperoleh markah tinggi. Secara amnya, pelajar hanya memerlukan 1 atau 2 jam untuk menghafal fakta

yang akan diuji dalam peperiksaan. Jadi, sistem peperiksaan perlu diubahsuai untuk mengatasi masalah ini. Selain daripada soalan yang menguji kebolehan pelajar untuk menghafal fakta, soalan yang menguji kebolehan menganalisis, mentafsir, memikir, mempraktis dan kreativiti perlu juga disertakan.

Soalan 4	Pada pendapat saya, demi meningkatkan tahap penguasaan bahasa Cina, maka perlu			
Pilihan	A. menambah bahan pengajaran yang lebih praktikal	B. meningkatkan tahap kesukaran bahan pengajaran	C. menambah waktu pengajaran bahasa Cina	D. menambah latihan membaca dan mengarang
Peratusan	45.2%	6.8%	4.1%	43.8%

Soal meningkatkan tahap penguasaan bahasa Cina di kalangan pelajar merupakan perkara penting yang perlu dititik-beratkan oleh masyarakat. Cara yang paling berkesan untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Cina seperti yang ditunjukkan dalam soalan 4 adalah dengan menambah bahan pengajaran yang lebih praktikal, iaitu merangkumi 45.2%. Sebanyak 43.8% pelajar pula berasa bahawa latihan membaca dan mengarang perlu ditambah. Sebaliknya, cuma sebilangan kecil pelajar yang mengatakan bahawa dengan meningkatkan kesukaran bahan pengajaran dan waktu pengajaran bahasa Cina, maka tahap penguasaan bahasa Cina dapat dipertingkatkan. Latihan mengarang merupakan bentuk latihan yang membolehkan pelajar melafazkan pendapat sendiri, manakala latihan membaca pula memungkinkan pengalaman orang lain dipelajari. Hanya dengan banyak mengarang, membaca dan berlatih, terutamanya membaca bahan

bacaan sampingan selain buku teks, maka pelajar akan menjadi semakin mahir dalam bahasa Cina. Dari segi bahan pengajaran bahasa Cina, nilai kepraktisan bahan pengajaran jauh lebih penting berbanding dengan tahap kesukarannya. Hasil kajian ini selaras dengan hasil kajian He, iaitu “untuk meningkatkan tahap keupayaan pembelajaran, para pelajar perlu banyak mengarang, membaca, dan membuat latihan” (1981 : 140-141).

Soalan 5	Pada pendapat saya, minat belajar bahasa Cina dipengaruhi oleh			
Pilihan	A. sama ada bahan pengajaran sesuai dengan keupayaan pelajar	B. sama ada bahan pengajaran dapat menarik minat pelajar	C. sama ada penulis bahan pengajaran itu terkenal	D. cara pengajaran guru
Peratusan	13.2%	45.0%	2.1%	39.7%

Manusia mempunyai kecenderungan semula jadi untuk belajar, dan minat pula merupakan dorongan untuk belajar, maka keberkesanan pembelajaran dipengaruhi oleh minat pelajar itu sendiri. Bagi soalan 5, sebanyak 45.0% pelajar yang berpendapat bahawa minat belajar bahasa Cina dipengaruhi oleh faktor “sama ada bahan pengajaran itu dapat menarik minat pelajar”, diikuti dengan faktor “cara pengajaran” sebanyak 39.7%, dan akhirnya 13.2% yang berpendapat bahawa “sama ada bahan pengajaran itu sesuai dengan keupayaan pelajar” akan mempengaruhi minat belajar. Maka, dalam proses pemilihan bahan pengajaran, perlulah dipastikan bahawa bahan-bahan yang dipilih dapat menarik minat pelajar dan sesuai dengan keupayaan pelajar. Kajian yang telah dijalankan oleh He (1981),

Zhou (1981), Ouyang (1989), Jiang (1995) dan Qu (1995) turut memaparkan hasil bahawa kandungan bahan pengajaran yang menarik merupakan faktor yang paling penting untuk mendorong pembelajaran.

Walaupun kadang kala kandungan bahan pengajaran agak sukar, tetapi pelajar tetap berminat mempelajari bahan pengajaran tersebut apabila bahan pengajaran itu disediakan dalam bentuk yang dapat menarik minat para pelajar. Soal tentang cara pengajaran guru dapat mempengaruhi minat belajar bukan merupakan skop kajian ini. Jadi, aspek ini tidak akan disentuh dalam kajian ini. Namun, jika guru dapat mengajar dengan cara yang menarik, maka fungsi bahan pengajaran akan menjadi lebih ketara. Dengan kata lain, jika penyusunan bahan pengajaran sejajar dengan cara pengajaran, pelajar akan berpeluang mempelajari dan menguasai kemahiran asas yang diperlukan dalam kehidupan seharian.

## 2. Pandangan Pelajar Terhadap Pelajaran

Soalan 6	Dalam proses pembelajaran bahasa Cina, saya mengalami masalah			
Pilihan	A.menghafal pelajaran	B.mengingati kata-kata yang sukar	C.memahami maksud utama pelajaran	D.mempraktis frasa ayat yang telah dipelajari
Peratusan	34.7%	24.9%	13.9%	26.5%

Melalui soalan 6, kelihatan bahawa sebanyak 34.7% pelajar mengalami masalah untuk menghafal pelajaran, diikuti dengan masalah tidak

dapat mempraktiskan frasa atau ayat yang telah dipelajari dan mengingati kata-kata yang susah. Tujuan utama pendidikan sekolah adalah untuk melatih pelajar supaya menguasai pelbagai kemahiran hidup dan mempraktiskan pengetahuan yang dipelajari dalam ruang dan masa yang terhad. Begitu juga dengan tujuan pengajaran bahasa Cina: untuk membolehkan pelajar mempraktiskan pengetahuan yang diperoleh, manakala menghafal, mengingat fakta atau kosa kata hanya merupakan proses yang terlibat dalam pendidikan. Malangnya pada hari ini, pengajaran telah berkecenderungan ke arah menguji kecekapan pelajar untuk mengingat fakta untuk memperoleh markah yang tinggi dalam peperiksaan. Akibatnya, pelajar berasa bosan dan menganggap pembelajaran sebagai satu beban.

Soalan 7		Masalah utama saya semasa mempelajari bahasa klasik ialah:			
Pilihan	A. memahami maksud utama pelajaran	B. memahami definisi kosa kata.	C. memahami struktur bahasa	D. memahami kata tugas dalam pelajaran	
Peratusan	28.1%	30.8%	19.4%	21.7%	

Pelajaran dalam buku teks bahasa Cina yang sedang digunakan oleh pelajar tingkatan menengah rendah terdiri daripada bahasa moden dan bahasa klasik. Tidak hairanlah jika pelajar tingkatan menengah rendah mengalami masalah mempelajari bahasa klasik memandangkan ini merupakan kali pertama mereka mempelajari satu bentuk bahasa yang tidak lagi digunakan dalam kehidupan seharian. Penggunaan frasa dan tatabahasa bahasa klasik yang berbeza

dengan bahasa moden merupakan dua masalah utama yang dihadapi oleh pelajar.

Melalui soalan 7, sebanyak 30.8% pelajar menghadapi masalah utama untuk memahami konsep kosa kata, dan sebanyak 28.1% pelajar menghadapi masalah untuk memahami maksud utama pelajaran.

Walaupun begitu, sajak klasik atau teks klasik yang tidak begitu susah difahami dan ringkas masih gemar dibaca oleh pelajar. Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan dalam laporan guru-guru sekolah menengah rendah yang berjudul “Laporan Penyemakan Buku Teks Bahasa Cina Tingkatan Menengah Rendah”. Laporan ini diedarkan oleh Dong Jiao Zong pada tahun 1996.

Soalan 8	Pada pendapat saya, unsur paling asas yang mestilah hadir dalam pelajaran yang senang dibaca ialah:			
Pilihan	A. teks yang pendek	B. objektif teks jelas	C. kurang perbendaharan kata yang sukar difahami	D. bahasa yang digunakan lancar
Peratusan	5.9%	43.4%	15.5%	35.2%

Melalui soalan 8, pelajar berpendapat bahawa objektif kandungan pelajaran yang jelas memudahkan pembacaan. Jumlah perkataan dalam sesuatu pelajaran bukanlah faktor penting, yang penting ialah isi kandungan pelajaran sesuai dengan keupayaan pelajar.

Soalan 9	Pada pendapat saya, sesuatu pelajaran sukar dibaca adalah kerana				
Pilihan	A.teks terlalu panjang	B.terlalu banyak kata yang sukar difahami	C.objektif pelajaran kurang jelas	D.maksud pelajaran terlalu sukar difahami	
Peratusan	6.2%		1.8%	20.1%	71.9%

Pandangan pelajar tentang teks yang dibaca dapat dijadikan panduan dalam pemilihan pelajaran untuk buku teks bahasa Cina. Hasil kajian soalan 9 menunjukkan bahawa 71.9% pelajar mengalami kesukaran membaca kerana maksud pelajaran terlalu sukar difahami. Manakala faktor-faktor seperti teks terlalu panjang dan banyak kata yang sukar difahami merupakan faktor yang tidak begitu penting dalam menentukan kebolehbacaan sesebuah teks. Dalam bahagian kedua soal selidik ini, pelajar juga didapati menghadapi masalah membaca teks klasik kerana kurang faham dengan maksud teks akibat penerangan kosa kata yang kurang jelas.

### 3. Pandangan Terhadap Minat Membaca

Soalan 10	Saya suka membaca				
Pilihan	A. teks naratif	B. teks penerangan	C. teks perbincangan	D. teks yang menyatakan perasaan	
Peratusan	61.2%		13.5%	8.7%	39.5%

Soalan 11	Saya tidak suka membaca			
Pilihan	A. teks naratif	B. teks penerangan	C. teks perbincangan	D. teks yang menyatakan perasaan
Peratusan	13%	32.6%	35.8%	18.5%

Melalui peratusan pemilihan empat jenis teks yang “suka dibaca” dan “tidak suka dibaca” seperti yang dipaparkan dalam soalan 10 dan 11, sebanyak 61.2% pelajar didapati suka membaca teks jenis naratif, manakala sebanyak 39.5% yang suka membaca teks jenis menyatakan perasaan. Sebaliknya sebanyak 35.8% pelajar didapati tidak suka membaca teks jenis perbincangan dan 32.6% yang tidak suka membaca teks jenis penerangan. Selain daripada faktor minat, pelajar suka membaca teks jenis naratif kerana ia melibatkan gambaran tentang keadaan, pergerakan dan perubahan yang dialami oleh watak seperti yang biasa kelihatan dalam kehidupan seharian, manakala teks jenis menyatakan perasaan melibatkan luahan perasaan melalui bahasa, jadi ia lebih menarik minat pelajar. Teks perbincangan dan penerangan pula melibatkan penyampaian maklumat dan berunsur teguran, jadi, pelajar mudah berasa bosan atau tidak berminat untuk membaca.

Soalan 12	Saya suka membaca sesuatu pelajaran yang			
Pilihan	A. mempunyai kandungan yang menarik	B. mirip dengan pengalaman hidup	C. sesuai dengan minat saya	D. dapat memberikan dorongan kepada saya
Peratusan	45.4%	12.8%	29%	12.8%

Soalan 13	Saya tidak suka membaca sesuatu pelajaran kerana pelajaran itu			
Pilihan	A. mempunyai kandungan yang membosankan	B. tiada kaitan dengan pengalaman hidup	C. tidak sesuai dengan minat saya	D. tidak dapat memberikan dorongan kepada saya
Peratusan	63.2%	4.3%	24.9%	7.5%

Soalan 12 dan 13 menunjukkan bahawa sebanyak 45.4% pelajar suka membaca pelajaran yang mempunyai kandungan yang menarik, diikuti dengan 29% pelajar yang suka membaca pelajaran yang sesuai dengan minat mereka. Sebaliknya, sebanyak 63.2% pelajar tidak suka membaca sesuatu pelajaran kerana kandungannya membosankan, dan 24.9% disebabkan pelajaran tidak sesuai dengan minat mereka. Pelajaran dalam buku merupakan pengantar yang dapat melatih penguasaan bahasa, memupuk nilai murni dan minat belajar, manakala isi kandungan teks yang menarik merupakan daya dorongan pembelajaran utama para pelajar. Hasil kajian ini selaras dengan hasil kajian He (1981).

#### 4. Pandangan Terhadap Buku Teks Bahasa Cina Tingkatan Menengah Rendah

Soalan 14	Secara keseluruhan, buku teks bahasa Cina yang sedang digunakan itu,			
Pilihan	A. saya dapat menyesuaikan diri dengan baik sekali	B. saya dapat menyesuaikan diri	C. saya kurang dapat menyesuaikan diri	D. saya tidak dapat menyesuaikan diri
	3.4%	53.9%	41.1%	1.4%

Pelajar mempunyai pandangan yang tidak seragam tentang penyesuaian diri terhadap buku teks bahasa Cina yang sedang digunakan. Sesetengah pelajar mengatakan bahawa mereka dapat menyesuaikan diri dan sesetengah pula mengatakan mereka tidak begitu dapat menyesuaikan diri. Namun, pada keseluruhannya, pelajar masih berpuas hati dengan penyusunan topik mengikut latihan kemahiran menguasai bahasa.

Soalan 15	Jumlah pelajaran yang dirangkumi dalam satu-satu semester			
Pilihan	A. amat sesuai	B. agak sedikit	C. agak banyak	D. harus ditambah atau dikurangkan mengikut tahap kesukaran
Peratusan	32.2%	5.7%	17.8%	44.3%

Buku teks bahasa Cina yang kini digunakan terdiri daripada kandungan teks, latihan, dan tatabahasa. Terdapat sebanyak 26 buah teks dalam buku teks bahasa Cina tingkatan menengah rendah. Sejumlah 44.3% pelajar berpendapat bahawa jumlah pelajaran dalam satu semester perlu ditambah atau

dikurangkan mengikut tahap kesukaran teks, manakala sebanyak 32.2% pelajar yang berasa bahawa jumlah pelajaran yang dirangkumi amat sesuai. Pelajar didapati tidak begitu mengambil berat tentang jumlah pelajaran dalam buku, sebaliknya mereka berharap agar mempunyai masa yang mencukupi untuk memahami pelajaran yang lebih sukar. Jumlah pelajaran yang harus dimasukkan ke dalam buku teks memperlihatkan kaitan dengan jumlah masa pengajaran. Kemaraan pengajaran dipengaruhi oleh jumlah masa pengajaran yang berlainan yang diperuntukkan untuk sesuatu pelajaran dan juga cara pengendalian bahan pengajaran.

<b>Soalan 16</b>	<b>Nisbah peratusan teks bahasa klasik (18%) dan bahasa moden (82%) dalam buku</b>			
Pilihan	A. amat sesuai	B. sesuai	C. tidak sesuai	D. masih boleh diterima
Peratusan	10.3%	34.2%	8.4%	47%

Dalam buku teks bahasa Cina tingkatan menengah rendah, sebanyak 82% daripada sejumlah 150 buah teks merupakan teks bahasa moden dan 18% merupakan teks bahasa klasik. Melalui soalan 16, sejumlah 47% pelajar didapati bersetuju dengan nisbah peratusan tersebut, manakala sejumlah 34.2% pelajar pula berasa bahawa nisbah peratusan tersebut sesuai. Secara umumnya, nisbah peratusan tersebut dapat diterima.

Soalan 17	Teks bahasa moden dalam buku				
Pilihan	A. amat sepadan dengan pengalaman hidup saya	B. sepadan dengan pengalaman hidup saya	C. masih boleh dikatakan sepadan dengan pengalaman hidup saya	D. tidak sepadan dengan pengalaman hidup saya	
Peratusan	7.5%		32.9%	43.2%	16.4%

Jenis teks yang dimasukkan dalam buku dipilih berdasarkan paduan sukatan pelajaran dan objektif pengajaran, iaitu bertujuan melatih penguasaan bahasa, memupuk kerohanian, dan kecerdikan pelajar. Sebanyak 32.9% pelajar berasa bahawa teks dalam buku sepadan dengan pengalaman hidup mereka, 43.2% yang berasa bahawa ia boleh dikatakan sepadan dengan pengalaman hidup mereka, manakala 16.4% pula berpendapat bahawa teks dalam buku tidak sepadan dengan pengalaman hidup mereka. Harus diperhatikan bahawa kandungan bahan pengajaran dapat menarik minat pelajar dan minat merupakan dorongan untuk belajar. Kelihatan bahawa pelajar masih mempunyai minat belajar terhadap teks-teks tertentu.

Soalan 18	Kandungan teks bahasa klasik dalam buku				
Pilihan	A. sederhana	B. sangat sukar difahami	C. sedikit sukar difahami	E. sangat menarik	
Peratusan	9.6%		18.3%	43.6%	28.5%

Hanya sebanyak 28.5% pelajar yang berasa bahawa kandungan teks bahasa klasik dalam buku sangat menarik, pelajar yang lain mengalami masalah untuk mempelajarinya. Sebanyak 43.6% pelajar mengalami sedikit kesukaran untuk memahami teks yang dibaca. Sebanyak 18.3% pelajar mengatakan bahawa kandungan teks sangat sukar untuk difahami, 9.6% pula yang berpendapat bahawa kandungan teks agak membosankan dan tidak berupaya menarik minat mereka untuk belajar.

Soalan 19	Pada pendapat saya, tahap teks bahasa klasik dalam buku			
Pilihan	A. sangat mudah	B. agak mudah	C. agak sukar	D. sangat sukar
Peratusan	2.5%	39.7%	52.1%	5.7%

Sebanyak 52.1% pelajar dalam soalan 19 mengalami masalah pembelajaran kerana tahap teks bahasa klasik yang agak sukar. Ini bermaksud teks yang dipilih masih tidak dapat diterima secara menyeluruh. Kosa kata bahasa klasik merupakan aspek paling sukar yang mempengaruhi pemahaman pelajar terhadap makna teks. Hal ini menyebabkan pelajar menganggap pembelajaran bahasa klasik sebagai suatu perkara yang melampaui had keupayaan mereka.

Soalan 20	Tentang setiap objektif dan paduan yang dikemukakan dalam setiap topik pelajaran			
Pilihan	A. saya dapat mencapai kesemuanya	B. umumnya saya dapat mencapainya	C. kadang kala saya dapat mencapainya	D. saya tidak dapat mencapainya
Peratusan	4.6%	36.3%	52.7%	6.4%

Bahan pengajaran bahasa Cina yang sedang digunakan di sekolah telah disusun mengikut topik. Terdapat sejumlah 48 topik pelajaran dalam 6 jilid buku teks bahasa Cina tingkatan menengah rendah. Setiap topik disusun ditulis berdasarkan latihan menguasai bahasa. Setiap topik pelajaran mengandungi satu unit latihan yang memaparkan tajuk topik, paduan topik dan cara pembelajaran agar objektif pelajaran jelas kelihatan. Hanya sebanyak 4.6% pelajar dalam soalan 20 yang berasa bahawa mereka telah mencapai kesemua paduan dan objektif pelajaran. Pelajar yang mengatakan mereka biasanya dapat mencapai atau kadang kala mencapai paduan dan objektif pelajaran ialah 36.3% dan 52.7% masing-masing, manakala pelajar yang langsung tidak dapat mencapai paduan dan objektif pelajaran ialah sebanyak 6.4%. Umumnya, pelajar masih dapat mencapai paduan dan objektif pelajaran tertentu.

Soalan 21	Dengan mempelajari bahan pengajaran yang sedang digunakan itu,			
Pilihan	A.saya dapat meningkatkan penguasaan bahasa	B. saya dapat mengenali kebudayaan Cina	C. saya dapat memupuk nilai moral	D.saya rasa tiada sebarang makna
Peratusan	38.6%	34%	19.6%	7.8%

Bagi soalan 21, separuh daripada jumlah pelajar bersetuju bahawa dengan mempelajari bahan pengajaran yang sedia ada, mereka dapat mempertingkat penguasaan bahasa dan mengenali kebudayaan Cina. Dengan kata lain, ini menunjukkan bahawa pelajar bersetuju dengan cara penyusunan topik pelajaran mengikut latihan kemahiran menguasai bahasa. Sesetengah pelajar pula berasa bahawa pembelajaran bahan pengajaran tersebut telah membantu memupuk nilai moral, manakala terdapat segelintir pelajar yang mengatakan bahawa tiada sebarang makna daripada mempelajari bahan pengajaran tersebut.

Soalan 22	Pada pendapat saya, kandungan teks bahasa moden dalam buku			
Pilihan	A. menarik dan mengandungi unsur terkini	B. mempunyai tahap yang sesuai	C. kurang memuaskan	D. sangat membosankan
Peratusan	17.6%	58.7%	14.4%	9.4%

Umumnya, pelajar dapat menerima kandungan teks bahasa moden dalam buku kerana tahap teks sesuai dengan keupayaan pelajar. Walaupun begitu, sebanyak 23.8% pelajar masih mempunyai harapan atau paduan tinggi terhadap kandungan tersebut.

Soalan 23	Pada pendapat saya, latihan “baca sendiri” dalam buku			
Pilihan	A.dapat meningkatkan tahap penguasaan bahasa Cina	B. saya mengalami masalah membaca	C. membosankan	D. tiada sebarang makna
Peratusan	46.8%	23.3%	19.9%	9.8%

Dalam buku pengajaran bahasa Cina, setiap topik terdiri daripada tiga atau empat pelajaran. Dua atau tiga daripada pelajaran tersebut merupakan pengajaran yang dikendali oleh guru, manakala satu pelajaran lagi merupakan “Baca Sendiri”. “Baca Sendiri” bermaksud pelajar membaca sendiri melalui bimbingan guru. Tujuan “Baca Sendiri” ini adalah supaya pelajar mempunyai pandangan yang lebih luas, berupaya memahami banyak perkara berdasarkan pengalaman membaca, mempunyai daya menganalisis dan mengatasi masalah. Semua pelajaran telah disusun mengikut keperluan latihan topikal. Pelajaran tersebut merupakan bahan dan contoh pengajaran kemahiran tertentu. Kajian ini menunjukkan bahawa sebanyak 46.8% pelajar berpendapat bahawa “Baca Sendiri” membolehkan peningkatan tahap penguasaan bahasa Cina, 23.3% pelajar mengalami masalah membaca sendiri, 19.9% berasa “Baca Sendiri” membosankan manakala sebanyak 9.8% yang menganggap “Baca Sendiri” sebagai sesuatu yang tidak bermakna. Jadi, kebanyakan pelajar menganggap latihan “Baca Sendiri” berfungsi sebagai cara untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa, tetapi pada masa yang sama, mereka berharap agar kandungan pelajaran sesuai dengan keupayaan mereka.

Soalan 24	Pada pendapat saya, penyusunan pelajaran			
Pilihan	A. amat membantu mengaitkan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis	B. membantu mengaitkan kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis	C. agak membantu mengaitkan kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis	D. langsung tidak membantu mengaitkan kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis
Peratusan	8.4%	41.1%	44.3%	6.2%

Penyusunan pelajaran telah cuba sedaya upaya untuk menyusun kandungan pelajaran mengikut dasar pelajaran. Kebanyakan pelajar berpendapat bahawa cara penyusunan pelajaran dapat membantu mengaitkan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis secara praktikal. Cuma sebilangan kecil pelajar yang berasa bahawa ia langsung tidak membantu. Walau bagaimanapun, setiap pembelajaran teks melibatkan pelbagai kandungan dan format, jadi, tanpa penjelasan guru, pelajar tidak akan dapat menggunakan bahasa yang dipelajari itu secara praktikal.

Soalan 25	Pelajaran yang dipilih dalam buku			
Pilihan	A. amat membantu dalam meningkatkan kemahiran menulis	B. membantu dalam meningkatkan kemahiran menulis	C. agak membantu dalam meningkatkan kemahiran menulis	D. langsung tidak membantu dalam meningkatkan kemahiran menulis
Peratusan	8.2%	43.6%	36.8%	11.4%

Semua bahan pengajaran telah dipilih sejajar dengan paduan pengajaran bahasa Cina yang merangkumi latihan menguasai kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Dalam latihan membaca, pengetahuan yang diperoleh seperti membeza dan menganalisis kata, memahami tatabahasa dan frasa indah, menganalisis hubungan antara perenggan, struktur teks dan mengetahui maksud utama pelajaran, memperlihatkan kaitan rapat dengan penggunaan kata, penyusunan struktur dan pemilihan bahan ketika menulis. Dalam soalan 25, sebanyak 11.4% pelajar berasa bahawa pelajaran dalam buku langsung tidak membantu dalam meningkatkan kemahiran menulis. Sebaliknya sebanyak 43.6% pelajar berasa ia membantu manakala 8.2% berasa bahawa pelajaran dalam buku amat membantu dalam meningkatkan kemahiran menulis mereka. Jadi, umumnya, pelajaran dalam buku dapat meningkatkan kemahiran menulis.

Soalan 26		Selepas mempelajari sesuatu pelajaran, saya		
Pilihan	A. dapat menyiapkan latihan dan aktiviti pelajaran	B. hanya dapat menyiapkan latihan dan aktiviti pelajaran sesekali	C. mengalami sedikit masalah untuk menyiapkan latihan dan aktiviti pelajaran	D. berasa amat sukar untuk menyiapkan latihan dan aktiviti pelajaran
Peratusan	7.1%	51.6%	34%	7.3%

Pada akhir setiap pelajaran, terdapat latihan yang disertakan dengan tujuan mengukuhkan penguasaan pengetahuan pelajar, meningkatkan keupayaan

menganalisis dan kecerdasan minda pelajar. Bagi melalui soalan 26, hanya 7.1% pelajar yang dapat menyiapkan latihan dan aktiviti pelajaran secara berdikari, 51.6% pelajar hanya dapat menyiapkan latihan dan aktiviti pelajaran sesekali, manakala yang lain mengalami masalah untuk berbuat demikian.

Soalan 27	Pada pendapat saya, jumlah latihan pada akhir setiap pelajaran			
Pilihan	A. sesuai	B. terlalu sedikit	C. terlalu banyak	D. perlu dibatalkan
Peratusan	48.9%	13.9%	27.2%	10%

Bagi soalan 27 pula, sebanyak 48.9% pelajar berasa bahawa jumlah latihan pada akhir setiap pelajaran adalah sesuai. Sebaliknya, sebanyak 27.2% berasa bahawa jumlah latihan dalam buku terlalu banyak, 13.9% berasa bahawa jumlah latihan terlalu sedikit, dan 10% yang berasa bahawa latihan tersebut patut digugurkan. Pembelajaran bahasa bagaikan penggunaan alat, alah bisa tegal biasa, hanya melalui latihan yang berterusan sahaja kemahiran dapat dikuasai. Melalui soalan 27, kelihatan bahawa kebanyakan pelajar masih dapat menerima kuantiti latihan tersebut.

Soalan 28	Pada pendapat saya, latihan pada akhir setiap pelajaran			
Pilihan	A. dapat membantu untuk memahami pelajaran secara lebih lanjut	B. membantu meningkatkan kemahiran berfikir	C. membantu meningkatkan kemahiran menulis, menggunakan kata-kata, dan membina ayat	D. tiada sebarang bantuan dalam pembelajaran bahasa Cina
Peratusan	42.2%	33.8%	16%	8%

Tujuan latihan adalah untuk membolehkan pelajar menguasai pengetahuan yang dipelajari secara menyeluruh serta berupaya berfikir secara mendalam dan matang terhadap soalan yang dibekalkan. Latihan yang disertakan dalam pelajaran telah disusun secara khas tentang “latihan menguasai bahasa”, “kerohanian”, dan “penghayatan kesusasteraan”. Sebanyak 42.2% pelajar berpendapat bahawa latihan tersebut dapat membantu mereka memahami kandungan pelajaran secara lebih mendalam, sebanyak 33.8% berasa bahawa ia dapat membantu meningkatkan kemahiran berfikir, 16% mengatakan bahawa ia membantu meningkatkan kemahiran menulis, menggunakan kata-kata dan membina ayat, dan 8% berasa bahawa ia tidak membawa sebarang bantuan dalam pembelajaran bahasa Cina. Secara keseluruhannya, pelajar mengenali fungsi soalan latihan dalam pelajaran, iaitu mereka mengetahui kepentingan latihan dalam proses pembelajaran mereka.

## **B. Bahagian Kedua: Soalan Subjektif**

### **Pandangan Dan Pilihan Pelajar Terhadap Pelajaran Dalam Buku Teks Bahasa Cina Tingkatan Menengah Rendah**

Dalam bahagian kedua borang soal selidik, pelajar diminta memilih 3 hingga 5 pelajaran daripada jilid buku yang ditetapkan, lalu menyusun pelajaran itu mengikut kategori “suka membaca”, “tidak suka membaca”, “sukar dibaca”, dan “senang dibaca”, serta mencatatkan tajuk pelajaran. Jadual yang berikut merupakan pandangan pelajar terhadap pelajaran dalam buku teks bahasa Cina tingkatan menengah rendah satu, dua, dan tiga masing-masing. Dalam jadual bagi setiap tingkatan, teks-teks dibahagikan mengikut huruf, iaitu “A” mewakili teks naratif, “B” mewakili teks yang menyatakan perasaan, “C” mewakili teks penerangan, “D” mewakili teks perbincangan, “E” mewakili teks penulisan surat, “F” mewakili sajak dan puisi, dan \* pula mewakili teks bahasa klasik.

**Jadual 9: Pandangan dan Pilihan Pelajar Terhadap Pelajaran dalam Buku Teks Bahasa Cina Jilid Pertama Tingkatan Menengah Rendah Satu**

Pilihan Pelajar terhadap Buku	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26
	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M	N	O	P	Q	R	S	T	U	V	W	X	Y	Z
Suka dibaca	50	11	12	15	83	35	41	24	39	13	13	6	25	3	15	5	2	15	8	17	21	1	5	38	27	17
Tak suka dibaca	21	18	24	29	11	29	15	10	34	20	12	23,	26	35	30	12	13	36	9	14	20	8	9	13	13	23
Senang dibaca	89	18	15	13	66	23	33	36	25	6	25	3	21	8	11	7	2	11	6	18	23	4	5	32	26	10
Sukar dibaca	9	12	13	17	4	28	15	7	26	24	1	18	31	16	23	13	6	37	11	16	12	10	8	40	39	60

A : teks naratif    B: teks yang menyatakan perasaan    C : teks penerangan    D : teks perbincangan    E : teks pergunaan    F : teks klasik

**Jadual 10: Pandangan dan Pilihan Pelajar Terhadap Pelajaran dalam Buku Teks Bahasa Cina Jilid Ketiga Tingkatan Menengah Rendah Dua**

Pilihan Pelajar terhadap Buku	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26
	A	D	C	F	F	F	A	D	B	A	A	A	C	C	A	A	A	A	A	A	A	A	A	A	A	
	*	*	*	*	*	*	*	*	*	*	*	*	*	*	*	*	*	*	*	*	*	*	*	*	*	*

Daripada Jadual 9, terdapat 83 orang pelajar dari tingkatan menengah rendah satu yang suka membaca pelajaran 5 yang bertajuk "Xiao Hua Er Ze" (Dua Buah Cerita Jenaka), seramai 50 orang pelajar yang suka membaca pelajaran 1 yang bertajuk "Xin Nian De Li Wu" (Hadiah Tahun Baru Cina), dan seramai 41 orang pelajar yang suka membaca pelajaran 7 yang bertajuk "Yi She Jiu Ri" (Yi Memanah Sembilan Matahari). Daripada semua pelajaran tersebut, pelajaran 1 merupakan teks jenis perbincangan, manakala dua pelajaran yang lain merupakan teks jenis naratif.

Daripada Jadual 10, kelihatan bahawa seramai 81 orang pelajar dari tingkatan menengah rendah dua yang suka membaca pelajaran 17 yang bertajuk "Song Niu Nai De Hao Ye Ye" (Atuk Penghantar Susu Yang Bersikap Penyayang), seramai 73 orang pelajar suka membaca pelajaran 20 yang bertajuk "Zui Hou Yi Ke" (Kelas Yang Terakhir), dan 45 orang pelajar yang suka membaca pelajaran 2 yang bertajuk "Mei Yu Chou" (Kecantikan Dan Kehodohan". Dalam semua pelajaran tersebut, pelajaran 2 ialah teks jenis perbincangan, manakala yang lain ialah teks jenis naratif.

Daripada Jadual 11, seramai 60 orang pelajar dari tingkatan menengah rendah tiga yang suka membaca pelajaran 18 yang bertajuk "Bei Ying" (Bayangan), diikuti dengan sejumlah 56 orang pelajar yang suka membaca pelajaran 10 yang merupakan sajak bertajuk "Shui Diao Ge Tou" (Puisi) yang mengisahkan perasaan bosan dan sikap positif penulis terhadap hidup, dan seramai 34 orang pelajar yang suka membaca pelajaran 4 yang bertajuk "Li Zhi

Mi” (Kemanisan Buah Laici). Daripada semua pelajaran itu, pelajaran 10 merupakan sajak klasik manakala yang lain ialah teks yang menyatakan perasaan.

Dalam kajian ini, juga didapati bahawa terdapat ulangan dalam membuat keputusan mengkategorikan pelajaran yang “suka dan senang dibaca” dan “tidak suka dan sukar dibaca”. Ini bermakna, kesukaran pelajaran akan mempengaruhi pilihan pelajar. Bab seterusnya akan menyentuh cadangan dan kesimpulan kajian ini.

Berdasarkan penemuan yang didapati daripada analisis jawapan dan reaksi kedua-dua bahagian soal selidik yang diberikan oleh pelajar-pelajar, kekuatan dan kelemahan dalam kandungan buku-buku teks bahasa Cina sekolah menengah persendirian Cina rendah yang dikaji dapat dikenal pasti. Rumusan dapatan kajian yang penting dengan cadangan yang relevan dikemukakan dan dibincangkan seterusnya mengikut beberapa aspek buku teks yang telah dikaji itu.